

Kuantan: Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi tiga pingat emas, dua anugerah khas, satu pingat perak dan empat gangsa dalam Seoul Invention & International Fair (SIIF) yang berlangsung di COEX Exhibition Hall, Korea Selatan, baru-baru ini.

Hasil projek penyelidikan Next Generation Security Operation Center (NGSOC) diketuai oleh pensyarah Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) UMP Dr Mohamad Fadli Zolkipli itu menerima pingat emas dan anugerah khas.

Selain itu, projek Firefly Combinatorial Test List Generator For Lot Systems oleh Dr Abdulrahman Ahmed Mohammed Al-Sewari turut menerima pingat emas dan

Penyelidikan UMP menang besar di Korea

Harian Metro (ditempat) 17/12/14 Isnin m/s: 21

The Awards Ceremony

Seoul International
Invention Fair 2018



ANTARA pensyarah UMP yang raih pingat dan anugerah khas dalam Seoul Invention & International Fair (SIIF) di COEX Exhibition Hall, Korea Selatan.

anugerah khas.

Turut meraih pingat emas, Prof Madya Dr Wan Azmi Wan Hamzah menerusi projek Efficient TiO₂-SiO₂ Hybrid Nanocooler.

UMP juga meraih pingat perak hasil projek penyelidikan Dekan FSKKP Prof Dr Kamal Zuhairi Zamli menerusi projek Intelligent Interaction Test Suite Generator For Large lot Testing.

Tiga penyelidikan UMP iaitu Prof Madya Ir Dr Faiz Mohd Turan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr Izan Izwan Misnon dari Fakulti Sains Teknologi dan Industri (FSTI), manakala Dr Sharifah Maszura Syed Mohsin dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber

Alam (FKASA) meraih pingat gangsa.

Penganjuran SIIF 2018 menyaksikan lebih 600 hasil penyelidikan dipamerkan dengan memfokuskan reka cipta, pengkomersialan, paten dan pemindahan teknologi membabitkan penyelidikan dari seluruh dunia termasuk Indonesia, Korea, Taiwan, Thailand, Malaysia, Vietnam, China, Arab Saudi.

Sementara itu, UMP menjalinkan kerjasama dengan Confucius Institute Headquarters (HANBAN) dalam penubuhan Institut Confucius atau Kong Zi Institute yang bakal memberi memanfaatkan kepada penuntutnya dan masyarakat setempat.